

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keupayaan Kerajaan untuk meningkatkan peruntukan perbelanjaan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11) menerusi projek yang sedang dijalankan ketika ini walaupun keadaan ekonomi global tidak ketentuan sekarang.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMK11), Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM260 bilion bagi tempoh 2016 hingga 2020. Penyediaan peruntukan ini adalah berdasarkan kepada sasaran pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 5 hingga 6 peratus setahun dengan andaian ekonomi dunia akan berkembang sebanyak 3.9 peratus setahun. Unjuran hasil pula disediakan dengan andaian anggaran harga minyak mentah dunia sebanyak AS\$70 setong. Mengambil kira andaian berkenaan, perbelanjaan pembangunan diperuntukkan bagi menampung projek sambungan di bawah RMK10 serta projek-projek baharu yang akan dilaksanakan di bawah RMK11. Peruntukan tersebut juga telah mengambil kira sasaran untuk mencapai sasaran bajet berimbang menjelang tahun 2020.

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia juga menghadapi cabaran ketidakpastian ekonomi dunia seperti kejatuhan harga komoditi termasuk harga minyak mentah, penurunan nilai matawang Ringgit Malaysia dan kesan daripada pertumbuhan ekonomi negara China yang menyederhana. Kejatuhan harga minyak mentah dijangka memberi kesan terutamanya ke atas kutipan hasil negara. Namun, kesannya dapat diimbangi dengan peningkatan daya saing eksport berikutan harga relatif yang lebih rendah apabila nilai matawang ringgit menyusut. Keadaan ini menjadikan kedudukan asas ekonomi negara masih kekal kukuh dan berdaya tahan.

Di samping itu, langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti meningkatkan kecekapan kutipan hasil dan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dijangka akan dapat meningkatkan hasil negara. Keadaan ini akan memastikan perbelanjaan yang diperuntukkan mencukupi seperti yang dianggarkan. Tambahan pula, Kerajaan akan terus memastikan perbelanjaan yang lebih berhemat dengan memberi tumpuan kepada projek yang memberi impak besar kepada ekonomi dan mempunyai *value for money*. Walaupun jumlah peruntukan perbelanjaan telah dibentangkan dalam RMK11, namun peruntukan ini akan disemak melalui kaedah *rolling plan* serta mengambilkira kedudukan semasa kewangan Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 20

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada langkah-langkah akan diambil untuk meningkatkan penilaian dan pemeriksaan kesihatan mental dalam industri penerbangan, ekoran daripada tragedi Germanwings.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengadakan ujian mental dan fizikal terhadap juruterbang di negara ini untuk memastikan semua juruterbang berada pada tahap fizikal yang baik serta tidak mengalami gangguan emosi semasa bertugas adalah seperti berikut:

- (i) Berdasarkan kepada *Civil Aviation Regulation 1996 – Schedule 14* dan *Aeronautical Information Circular (AIC) 09/2004*, bagi maksud ujian fizikal, juruterbang yang berumur 40 tahun ke bawah perlu menjalani ujian kesihatan fizikal satu (1) kali setiap tahun dan bagi juruterbang berumur 40 tahun ke atas perlu menjalani ujian kesihatan fizikal satu (1) kali setiap 6 bulan ;
- (ii) manakala, bagi ujian mental, buat masa ini tiada peruntukan undang-undang/peraturan yang mengkehendaki juruterbang melalui ujian penilaian psikologi bagi menilai tahap emosi setiap juruterbang. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sedang bekerjasama dengan doktor panel *Designated Aviation Medical Examiner (DAME)* dan juga pakar psikologi bagi merangka *standard questionnaires* untuk digunapakai oleh setiap DAME untuk membuat penilaian awalan terhadap gangguan emosi ke atas setiap juruterbang.